

08/06/2002

Rakyat AS kini mahu memahami Islam: Dr Ibrahim

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kebanyakan rakyat Amerika Syarikat kini bersikap lebih terbuka dan ingin mengetahui lebih mendalam mengenai Islam sejak tragedi 11 September tahun lalu.

Profesor di Pusat Pengajian Hubungan Islam dan Kristian Macdonald, Hartford, Amerika Syarikat, Prof Dr Ibrahim M Abu Rabi', berkata bagaimanapun media di negara itu sering memberikan gambaran buruk mengenai Islam.

"Saya sering dijemput ke gereja untuk memberi penjelasan mengenai Islam dan masyarakat di sana berfikir terbuka dengan konsep Islam yang mementingkan keamanan.

"Saya tidak nampak sebarang tulisan yang berat sebelah. Kebanyakan tulisan oleh ahli akademik terutama sebelum tragedi 11 September, adalah perkara baik mengenai Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan syarahan umum bertajuk Timur Tengah: Analisis Isu Semasa, di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), di sini, hari ini.

Dr Ibrahim berkata, dunia Islam kini kekurangan penceramah Islam berkaliber yang mampu menarik golongan bukan Islam memeluk agama itu.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau menyarankan supaya masyarakat Islam mempelajari bidang pengajian Judaisme, zionism dan sejarah Israel dalam usaha mengurangkan jurang kekeliruan mengenai fahaman itu.

Katanya, Judaisme adalah pengajian mengenai agama manakala zionisme pergerakan nasionalis Yahudi yang disokong Britain untuk membina sebuah negara di Palestin.

Ditanya mengenai jalan penyelesaian terbaik bagi menangani isu Palestin dan Israel, beliau berkata: "Tindakan pengebom berani mati yang dilakukan sesetengah pihak dalam usaha menarik perhatian dunia bukannya jalan terbaik menyelesaikan masalah.

"Malah, tindakan berkenaan menyebabkan pihak Israel berterusan memperluaskan penjajahan mereka ke atas bumi Palestin. Kita harus mencari jalan lain untuk menyelesaikan isu ini termasuk perbincangan damai," katanya.

Mengulas pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan ketua gereja Katholik, Pope John Paul II di Vatican City hari ini, beliau berkata ia langkah baik dalam usaha mencari jalan persefahaman antara dua agama.

"Pertemuan ini sepatutnya sudah dilakukan sejak dulu lagi. Pope pernah bertemu pemimpin Islam Sudan dan Mesir," katanya.

(END)